

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM  
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
TARIKH / HARI : 31 OKTOBER 2016 (ISNIN)

# Larian Alam Impian meriah, pupuk budaya hidup sihat

**SHAH ALAM 30 Okt.** - Kira-kira 2,500 orang membanjiri taman awam di Perbandaran Alam Impian bersempena larian Fun Run - Alam Impian Township of the Arts.

Acara larian sejauh lima kilometer (km) yang bermula pukul 7.30 pagi itu julung kali dianjurkan Kumpulan I&P Berhad bersempena ulang tahun ke-10 Perbandaran Alam Impian.

Pengarah Urusan Kumpulan itu, Datuk Ir. Jamaludin Osman berkata, sambutan yang diterima amat menggalakkan dan dijangka menjadi batu loncatan untuk menjadikannya acara tahunan.

"Objektif larian ini juga bagi memperkenalkan Alam Impian sebagai taman rekreasi serta perbandaran seni yang hampir dengan pusat bandar Shah Alam.

"Selain itu, kehadiran peserta sememangnya menepati jangkaan kami dan penerimaan positif ini dijangka menjadi batu loncatan untuk kami menjadikan acara ini sebagai acara tahunan sekaligus memupuk budaya sihat dalam kalangan masyarakat," katanya kepada *Utusan Malaysia* selepas acara itu di sini.

Upacara pelepasan larian itu disempurnakan oleh Jamaludin bersama Timbalan Datuk Bandar

Shah Alam, Shukri Mohamad Hamin.

Selain acara larian, pengunjung turut meluangkan masa menyertai pelbagai aktiviti yang disediakan termasuk program Aman Nita oleh Polis Diraja Malaysia cawangan Shah Alam, aktiviti seni dan persembahan muzik jalanan.

Turut menarik perhatian lukisan *doodle* bertemakan alam sekitar sepanjang 1.08 km di atas pejalan kaki hasil kerjasama Kumpulan I&P dengan Fakulti Seni Lukis dan Seni Bina, Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Lukisan itu telah mendapat

pengiktirafan *Malaysia Book of Records* sebagai lukisan *doodle* terpanjang di Malaysia melibatkan seramai 300 orang pelajar dan 20 pensyarah Jabatan Grafik UiTM Kampus Puncak Alam.

Seorang pensyarah di kolej swasta, Nurshamiza Mat Yusoff, 29 berkata, dia dan keluarga berasa teruja dengan acara ini kerana aktivitinya tidak terhad kepada acara larian sahaja.

"Ini merupakan kali pertama saya menyertai acara larian seumpananya dan kami beruntung kerana pelbagai aktiviti disediakan penganjur termasuk untuk kanak-kanak dan juga cabutan

bertuah.

"Sekiranya aktiviti ini dianjurkan pada masa hadapan, saya pasti akan menyertainya bersama ahli keluarga," katanya.

Sementara itu, seorang peserta dari Kuala Selangor, Masbudi Abd. Malek, 30, berkata, dia berpuas hati menyertai acara Fun Run anjuran Kumpulan I&P.

"Bukan sahaja larian itu sendiri yang menyeronokkan tetapi aktiviti dan gerai yang dibuka menarik minat.

"Fasiliti yang disediakan juga berkualiti selain aliran trafik lancar yang memudahkan peserta," ujarnya.